

CNS0465

R GB 13-08 00180 BB336

AAB

Mahathir - Senjata

PM GESA PBB SERAH SENJATA KEPADA TENTERA MALAYSIA DI BOSNIA

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menqgesa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) meninqgalkan senjata dan pelbagai peralatan mereka yang lain kepada tentera Malaysia (MALBATT) jika pasukan perlindungannya (UNPROFOR) meninqgalkan Bosnia-Herzegovina.

"Sekurang-kurangnya kita (MALBATT) boleh gunakan senjata itu untuk mempertahankan diri dan juga rakyat Bosnia sekiranya mereka mahu berundur," katanya.

Sepatutnya PBB juga menyerahkan senjata dan peralatan milik pasukan PBB lain yang tidak digunakan bagi mempertahankan orang Bosnia kepada tentera Pakistan dan Turki yang tidak langsung menerima bantuan PBB, kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas menyaksikan kereta-kereta yang menyertai perlumbaan Rali Malaysia di Tasik Perdana.

Terdahulu beliau melepaskan 45 orang peserta bagi peringkat pertama rali di hadapan Banqunan Sultan Abdul Samad, di sini. Keseluruhan rali tiga peringkat itu meliputi jarak sejauh 993.59 kilometer.

Dr Mahathir berkata, pasukan MALBATT akan terus memainkan peranan mempertahankan kedaulatan Bosnia-Herzegovina meskipun PBB dan NATO tidak lagi mahu memikul tanggungjawab melindungi mereka. -- Lagi.

▼13/08/12-17MST

CNS0475

R GB 13-08 00167 BB339

AAB

Mahathir - Senjata 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, tentera PBB dan NATO menyatakan mereka akan berundur jika penqanas Serb menyerang mereka begitu juga sekiranya sekatan senjata terhadap Bosnia ditamatkan dan puak Bosnia boleh mendapat bekalan senjata mereka sendiri.

"Kalau mereka bersikap demikian, apakah guna mereka ada di sana, lebih baik mereka undur sahaja dan serahkan tugas mempertahankan Bosnia kepada pihak berkuasa lain yang masih ingin meneruskan tugas dan tanggungjawab mereka," katanya.

"Tetapi PBB mestilah melenqkapkan Bosnia dengan senjata yang sama dimiliki penqanas Serb yang mereka banyak terima dari Serbia dahulu, barulah seimbang kekuatan mereka," tambah beliau.

Baqaimanapun, kata Perdana Menteri, jika tentera perlindungan PBB dan NATO meninqgalkan Bosnia sebelum mereka menerima bekalan senjata untuk mempertahankan diri mereka, tindakan itu sama seperti mengikat tangan rakyat Bosnia semata-mata untuk disembelih penqanas Serb.

"Jelas sekali mereka lebih utamakan leher dan keselamatan diri mereka sendiri dan bukan untuk menyelamatkan orang lain disebabkan mereka tidak ada kepentingan," katanya.

Dr Mahathir berkata, keadaan yang serupa juga wujud di Rwanda. Mereka membiarkan sahaja kira-kira 500,000 orang dibunuh. "Jadi apa makna pertolongan?" tanya beliau.

Menyentuh tentang perlumbaan rali itu, Perdana Menteri gembira penyertaan kereta proton membuktikan peningkatan tahap kemampuan di bidang kemahiran kejuruteraan automobil.

Katanya, EON mempunyai bahaqian yang khusus membuat pengubahsuaian untuk kereta-kereta rali dan ini menunjukkan satu kemajuan daripada segi teknologi industri automobil.

Beliau berkata, kereta-kereta keluaran EON sudah mendapat kelulusan modifikasi yang diperakukan sesuai dan selamat untuk perlumbaan rali.

"Ini terbukti dengan kemenangan kereta Proton di beberapa rali di Thailand dan juga di negara Teluk," katanya. -- Bernama.